

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 5 PETANG - 15 JULAI 1983

---

S: AKHIR-AKHIR INI ADA SUARA-SUARA SUMBANG YANG DIKEMUKAKAN OLEH ROANG-ORANG BUKAN MELAYU MENGENAI DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN, MISALNYA PADA KONGRES YANG DIBUAT DI PULAU PINANG BARU-BARU INI, MEREKA SEBULAT SUARA MENOLAK DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN ITU.

KITA MERASA RUNSING MENGENAI SOAL INI KERANA SETENGAH LEBIH 26 TAHUN MERDEKA IA MASIH BELUM DAPAT DISELESAIKAN UNTUK MEMUASKAN HATI ORANG-ORANG BUKAN MELAYU. APAKAH PANDANGAN DATUK MENGENAI MASALAH INI DAN APAKAH YANG HARUS DILAKUKAN UNTUK MEMBOLEHKAN ORANG-ORANG BUKAN MELAYU MENERIMA DASAR YANG TELAH DITETAPKAN ITU?

J: PERKARA YANG SEMACAM INI TIDAK BOLEH DISELESAIKAN MENERUSI RUMUSAN-RUMUSAN KONGRES ATAUPUN PENDAPAT-PENDAPAT YANG DISUARAKAN DALAM SATU CONFERENCE OLEH MANA-MANA PIHAK. PERKARA INI BOLEH DISELESAIKAN KALAU KITA BINCANGKAN DALAM SATU FORUM YANG LEBIH SESUAI. SAYA BERPENDAPAT BAHAWA SAYA TIDAK PERLU MEMBUAT ULASAN TENTANG KEPUTUSAN YANG DIBUAT SECARA ITU KERANA ITU BUKAN CARANYA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH.

S: JADI, ADAKAH RANCANGAN TERTENTU UNTUK KITA Mencari PENYELESAIAN MENGIKUT CARA YANG DATUK SEBUTKAN ITU?

J: KITA ADA BADAN-BADAN TERTENTU YANG BOLEH MENYELESAIKAN PERKARA INI. KITA HARUS TINGGALKAN PERKARA ITU KEPADA MEREKA UNTUK MENYELESAIKANNYA.

S: DULU SEWAKTU KONGRES KEBUDAYAAN KEBANGSAAN DIBUAT, KONGRES ITU DIBUAT OLEH BADAN YANG BEGINI JUGA DAN AKHIRNYA BILA ADA RUMUS PUN, IA TIDAK DITERIMA OLEH BEBERAPA PIHAK. KALAU KITA BIARKAN BEGITU SAHAJA, AKHIRNYA KITA AKAN SAMPAI KEPADA SATU TAHAP DI MANA KITA TIDAK TAHU LAGI APA ITU KEBUDAYAAN KEBANGSAAN.

J: KITA BOLEH TAARIFKAN APA ITU KEBUDAYAAN KEBANGSAAN, TAPI KALAU TIDAK SESIAPA YANG HENDAK MENGAMALKANNYA, IA TIDAK BERMAKNA JUGA.

--BERNAMA 0908/AN